

SOALAN 3:

PENYUNTINGAN

Dalam petikan 1, terdapat **tiga kesalahan frasa sendi nama** manakala dalam petikan 2 terdapat **tiga kesalahan kata hubung** dan petikan 3 terdapat **tiga kesalahan kata bilangan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang yang dinyatakan dalam arahan soalan.

PETIKAN 1

Beberapa orang mahasiswa dari Universiti Malaya telah menyertai pertandingan bahas yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya. Pertandingan ini diadakan di bulan Ferbruari selepas mahasiswa tamat peperiksaan akhir tahun. Di dalam pertandingan bahas, pemenang akan menerima piala kemenangan, wang tunai, dan sijil penghargaan daripada pihak penganjur.

KESALAHAN	PEMBETULAN

PETIKAN 2

Jika sekiranya hujan, kakak tidak akan menyertai latihan rumah sukan di sekolah pada petang ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kakak tidak mahu mengambil risiko diserang demam panas setelah selepas pulih daripada demam selesema dua minggu yang lalu. Pada masa yang sama, kakak juga berasa dilema sama ada mahu menyertai pertandingan badminton dan tidak.

KESALAHAN	PEMBETULAN

PETIKAN 3

Kedua-dua murid yang ditangkap merokok di tandas sekolah itu telah diberi amaran oleh guru disiplin sekolah saya. Mereka membawa ketiga batang rokok milik bapa mereka ke sekolah tanpa disedari oleh bapa. Mereka ditangkap kerana setengah-tengah murid mendapati baju mereka berbau asap rokok.

KESALAHAN	PEMBETULAN